


DEKATKAN DIRI, MEMOHON KEAMPUNAN DARIPADA ALLAH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Uagama; dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyertai Majlis Malam Munajat juga diselenggarakan dengan Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang turut disemarakkan oleh warga Kementerian Hal Ehwal Uagama dan orang ramai secara dalam talian.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Uagama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Oktober. - Lebih daripada 1,500 peserta, terdiri daripada warga Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU) dan orang ramai berserta dengan keluarga masing-masing menyertai Majlis Malam Munajat, anjuran KHEU secara dalam talian menggunakan Microsoft Teams atau secara langsung menerusi Instagram Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di @pdi_kheu.

Malam Munajat ini bagi mendekatkan diri dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan

bermunajat, beristighfar, membaca Surah Yaa Siin, berzikir, berselawat dan merafakkan doa secara serentak beramai-ramai dengan doa juga harapan agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhindar juga terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya, khususnya wabak COVID-19 yang melanda NBD.

Dalam suasana Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Malam Munajat kali ini, turut membawa bacaan Selawat Ibrahimiyah

beramai-ramai bagi menzahirkan rasa cinta dan kasih kita kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir menyertai Malam Majlis Munajat tersebut, Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang seterusnya memulakan majlis dengan memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu

Bakar bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Penolong Mufti (Buhuth) Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusuf.

Atur cara majlis diikuti dengan

bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali dan diteruskan dengan bacaan Doa Yaa Siin oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Majlis Malam Munajat kemudiannya diisikan dengan Zikir Istighfar dan Taubah beramai-ramai, dipimpin oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, seterusnya bacaan Doa Bagi Memohon Terhindar daripada Wabak COVID-19 oleh Pegawai Uagama Kanan, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai, dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanul Bolkih, Rimba, Awang Mohammad bin Ali.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, disampaikan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Turut menyertai Majlis Munajat ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Ra'es KUPU SB; pengarah - pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan KHEU.

Sama-samalah kita meningkatkan kewaspadaan kita dalam mencegah penularan wabak ini dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga negara kita akan dilindungi juga bebas daripada wabak berkenaan dengan izin-Nya jua.

Raih pahala, ganjaran istimewa dengan berselawat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Oktober. - Dalam sama-sama memeriahkan dan Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga dalam suasana Negara Brunei Darussalam menghadapi situasi penularan jangkitan wabak COVID-19, di mana semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara ditutup sementara kepada orang ramai, alunan-alunan dikir, di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tetap terus berkumandang dengan Selawat dan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang dibawakan oleh petugas-petugas pegawai masjid.

Berikutan itu, pada malam yang ke-10 ini beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara meneruskan lagi acara Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443H / 2021M secara dalam talian dengan menyediakan pautan bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, jemaah, Muslimah, Belia Masjid


YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara antara yang menyertai acara Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443H / 2021M secara dalam talian juga dari beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

dan Majlis Perundingan Kampung yang sering bersama-sama melaungkan Dikir Maulud setiap kali acara tersebut diadakan pada tahun-tahun sebelumnya.

Antara masjid yang mengadakan acara tersebut ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong; Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkih; Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang; Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong; Masjid Kampung Belimbing Subok; Masjid Kampung Bunga; Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong; Masjid Jefri Bolkih, Kampung Batong; Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut;




Rosli Ramli



Rosli Hilmorn




gbucks66



Alliani



Hj Muhd Hj Alias



Ramli Lahit

Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong; Surau Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas; Masjid Kampung Penanjong; Masjid Kampung Selangan; Masjid RPN Kampung Rataie; Surau Kampung Piasau-Piasau; dan Masjid Kampung Sungai Teraban bersama Masjid Kampung Sungai Liang.

Turut hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi alunan Dikir Maulud di Masjid Kampung Telisai ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Sementara Kumpulan Belia Ibadurrahman, Masjid Hassanul Bolkih, Pekan Tutong juga turut mengadakan majlis seumpamanya bagi belia dan beliawanis masjid Daerah Tutong.

Majlis Dikir seumpama ini diadakan adalah bagi meraih pahala berlipat ganda juga ganjaran istimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga memohon keberkatan dan rahmat daripada Baginda jua, selain memupuk

kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping itu, ia dihasrat untuk mewujudkan perpaduan dan komitmen petugas-petugas pegawai masjid juga orang ramai dalam melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti keagamaan yang dianjurkan, sekali gus menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi dengan Selawat juga Dikir Maulud.